

AKADEMIA

GAMBAR kenangan sebelum melakukan aktiviti air lasak.



PELAKSANAAN aktiviti ini tidak hanya memberi peluang sama kepada golongan OKU tetapi membina kelompok masyarakat MADANI, inklusif dan bertanggungjawab.



Langkah ini penting dalam membangunkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan OKU dan membuka ruang bagi mereka untuk terbabit secara aktif dalam kehidupan komuniti

DR MOHD ASWAD

Langkah kecil untuk membabitkan OKU dalam aktiviti rekreasi, ia tidak hanya memberi peluang sama kepada mereka

PELAJAR membantu seorang peserta OKU, Ikmal Mustofa Musbah, 25, memakai jaket keselamatan.

tetapi juga membina kelompok masyarakat yang Madani, inklusif dan bertanggungjawab.

"Langkah ini penting dalam membangunkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan OKU dan membuka ruang bagi mereka untuk terbabit secara aktif dalam kehidupan komuniti," katanya.

Penganjuran program ini juga secara tidak langsung menyokong Pelan Strategik UPM 2021-2025 Matlamat 1 iaitu melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang.

PESERTA bergambar selepas berjaya melakukan aktiviti sukan air lasak.



FOTO: HSIAN LPSI

TINGKAT KEMAHIRAN GRADUAN UPM

Oleh Suliati Asri
suliati@metro.com.my

36 pelajar Bachelar Sains Taman dan Rekreasi, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) menyantuni golongan orang kurang upaya (OKU) dalam sukan air lasak menerusi penganjuran program Rekreasi Inklusif yang diadakan di RiverBug, Gopeng, Perak, baru-baru ini.

Membabitkan lima peserta OKU, program ini diadakan bagi memberi pendedahan aktiviti rekreasi lasak kepada golongan berkenaan selain meningkatkan kemahiran pelajar untuk menyantuni golongan itu ketika berekreasi.

Pengarah Program, Muhammad Fakhru Azim Muhammad Nizam, 23, berkata program itu meningkatkan nilai inklusif dalam kalangan masyarakat terhadap setiap individu.

"Penganjuran program ini juga adalah amali dua kursus kami iaitu Kursus Rekreasi Terapeutik bagi Golongan Istimewa dan Kursus Pengurusan Risiko dalam Rekreasi.

"Oleh itu, ini adalah

pengalaman berharga buat kami dalam menyantuni peserta OKU bersama orang awam yang kami terima melalui persatuan OKU.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan UPM, Dr Mohd Aswad Ramlan berkata, langkah yang diambil untuk membabitkan OKU dalam aktiviti rekreasi dapat membina jambatan

bagi memastikan setiap individu tanpa mengira kekurangan berasa diterima dan dihargai dalam masyarakat.

Katanya yang juga penyelidik dalam bidang rekreasi terapeutik di UPM, aktiviti rekreasi bukan semata-mata mengenai keseronokan, tetapi ia adalah medium kepekaan masyarakat terhadap kepelbagaian individu dalam komuniti.

"Dengan mengambil